

UPACARA MEMECAH TANAH TAMAN TUANKU JA'AFAR
TAMAN TUANKU JA, 17 OGOS 1982

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Mulia Tunku Naquiyuddin kerana sudi menjemput saya melakukan upacara memecah tanah Taman Tuanku Ja'afar ini.

2. Saya berbangga mengetahui bahawa Taman Tuanku Ja'afar ini akan dimajukan secara langsung oleh sebuah syarikat binaan bumiputera, iaitu Naga Sakti Sdn. Bhd. Penyertaan syarikat-syarikat pembinaan bumiputera di dalam bidang pembinaan adalah selaras dengan matlamat Dasar Ekonomi Baru dan sentiasa digalakkan. Setakat ini penyertaan syarikat pembinaan bumiputera dalam industri pembinaan masih belum memuaskan lagi dan usaha-usaha yang lebih mestilah diambil oleh pengusaha-pengusaha bumiputera.

3. Syarikat pembinaan Bumiputera mestilah menjadi contoh yang baik dan membuktikan kebolehan mereka bahawa mereka dapat bertanding dengan syarikat-syarikat pembinaan yang lain. Adalah tidak tepat sekiranya syarikat bumiputera berpendirian bahawa Kerajaan dan pemimpin-pemimpin tidak memberi galakan dan kemudahan yang cukup. Ini bukanlah pendirian dan sikap yang progresif bagi pengusaha.

4. Bagi syarikat pembinaan, contoh baik termasuklah mendirikan rumah mengikut pelan yang diluluskan, menjamin kualiti dan mutu yang tinggi dan menepati janji. Pembeli-pembeli itu tidak seharusnya menjadi tempat untuk mengaut untung semata-mata. Pernah didengar rumah-rumah batu dibina tanpa 'ventilation' atau ruang udara yang munasabah, ceiling yang terlalu rendah sehingga kipas boleh dipegang dengan tangan tatkala seseorang berdiri, dan sebagainya. Walaupun gejala buruk atau amalan yang kurang sihat itu dilakukan bukan sahaja oleh syarikat bumiputera, tetapi syarikat berkenaan haruslah sedar bahawa kepercayaan jangka panjang masyarakat adalah faktor yang lebih penting daripada mendapat untung dengan cepat tetapi kurang jujur.

5. Dengan ini saya harap syarikat-syarikat pembinaan bumiputera, khususnya, hendaklah meningkatkan keupayaan dan kepakaran mereka bagi memenuhi permintaan yang semakin bertambah.

Sekian, terima kasih.